

Headline	Jawatankuasa umrah sebagai penyelaras		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	12	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	307 cm ²
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 10,583
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,748



Jawatankuasa umrah sebagai penyelaras

» *Badan selaras keperluan lesen khas, harga minimum pakej*

Oleh Syed Azwan Syed Ali

syedazwan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Jawatankuasa Khas Pengendalian Pakej Umrah bagi menangani masalah penipuan jemaah ibadat itu yang bakal ditubuhkan kerajaan akan dianggotai wakil daripada tujuh kementerian, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO).

Jawatankuasa yang diterajui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, turut dianggotai wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Keppenggunaan (KPDNKK), Kementerian Luar, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Persatuan Agensi Pelancongan dan Pengembalaan Malaysia (MATTA) dan Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembalaan Bumiputera Malaysia (BUMITRA).

Mantap mekanisme

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata jawatankuasa khas berkenaan adalah inisiatif kerajaan untuk mengawal selia pakej umrah berikutan peningkatan kes penipuannya.

Terma rujukan jawatankuasa itu ialah memantapkan mekanisme pengawal seliaan pakej um-

rah, merancang dan melaksanakan kempen kesedaran awam, memantau status siasatan kes penipuan umrah dan memantau pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) disediakan MATTA dan BUMITRA bagi pakej umrah.

“Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelaras semua isu berhubung pengendalian umrah, selain memperincikan keperluan lesen khas umrah dan penetapan harga minimum pakej umrah,” katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Senator Datuk Megat Zulkarnain Omardin berhubung penubuhan badan kawal selia khas pakej umrah di Dewan Negara, semalam.

Megat Zulkarnain bertanya adakah kerajaan mempunyai majlis kawal selia berikutan peningkatan kes penipuan pakej umrah.

BH dalam beberapa siri laporannya sejak 5 Mei lalu mendedahkan ramai umat Islam di perdaya dengan tawaran pakej umrah serendah RM1,400, selain memperalatkan imam, tokoh agama dan selebriti serta bergerak dari surau ke masjid untuk mencari mangsa.

Laporan khas itu juga mendedahkan peningkatan hampir 100 peratus kes tuntutan peni-

puan umrah di Tribunal Tunutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang difaillkan tahun lalu, iaitu 761 kes berbanding 381 kes pada tahun 2012 serta meningkat setiap tahun.

Susulan laporan akhbar ini, banyak pihak mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan badan khas untuk mengawal selia pakej jemaah umrah yang melebihi 200,000 setiap tahun, seperti mana jemaah haji dikawal selia Lembaga Tabung Haji (TH).

Senarai syarikat

Selasa lalu, Mohamed Nazri mengumumkan penubuhan jawatankuasa khas bagi mengawal selia pengendalian pakej umrah, pengenalan lesen khas umrah dan penyenaraian semua 59 syarikat tempatan yang mempunyai kontrak dengan muasalah atau agensi pengendali umrah di Arab Saudi di laman web kementeriannya www.motac.gov.my bagi rujukan umum.

Menjawab soalan tambahan Senator Normah Mahat supaya agensi berdaftar diiklankan dalam media utama dan media sosial, Mohamed Nazri berkata, kerajaan komited dalam menangani isu itu dan akan meningkatkan kempen kesedaran secara berterusan.